

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA: 4(B)(XXV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB. LIM GUAN ENG**

1. Nyatakan kedudukan kewangan, defisit atau lebihan serta rizab aset untuk tahun 2017, 2018, 2019 dan unjuran untuk 2020.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

1. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dari tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti di **Lampiran A**.

Lampiran A

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri dari tahun 2017 hingga 2020

Tahun	Hasil Negeri (RM)	Perbelanjaan Mengurus (RM)	Surplus (RM)	Simpanan Terkumpul (RM)
2017	757,009,302.46	705,852,400.66	51,156,901.80	1,092,903,127.00
2018	987,050,138.69	1,005,318,896.00	(18,268,757.31)	1,074,634,369.69
2019	Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 masih dalam pengauditan Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang.			
2020 (unjuran)	519,162,400.00	792,657,880.00	(273,495,480.00)	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XXV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB. LIM GUAN ENG**

2. Adakah Pulau Pinang mampu menampung keperluan air yang meningkat di Pulau Pinang?
 - (a) Nyatakan *volume* permintaan dan perbekalan tahun lepas dan tahun ini serta cabaran yang dihadapi.
 - (b) Adakah Pulau Pinang akan bebas daripada ancaman catuan air sehingga 2030?
 - (c) Apakah tindakan yang boleh diambil untuk menjamin bekalan air yang mencukupi?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. (a) Kapasiti permintaan dan perbekalan tahun lepas dan tahun ini adalah seperti jadual di bawah:

Volum permintaan dan perbekalan tahun lepas dan tahun ini serta cabaran adalah seperti berikut:

Tahun	Pembekalan (meter padu)	Permintaan (meter padu)
2018	391,537,524	306,573,881
2019	398,874,700	307,532,394
2020 sehingga Ogos	270,331,537	209,673,191

Cabaran utama yang akan dihadapi oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) adalah :

- (a) Perubahan iklim telah mengubah corak hujan di Pulau Pinang. Kekurangan hujan pada tahun 2019 telah mengurangkan kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang, sehingga mengancam keselamatan bekalan air di Pulau Pinang.
 - (i) Sungai Muda hanya dapat memenuhi keperluan air mentah kedua-dua Pulau Pinang dan Kedah hingga tahun 2025. Lebih-lebih lagi, isu pembalakan di Ulu Muda, kawasan tadahan air Sungai Muda di Kedah, muncul kembali pada tahun 2020; dan
 - (ii) Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) belum dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Sehingga kini, perbincangan langsung dengan Perak telah menemui jalan buntu kerana Negeri Perak ingin menjual air terawat manakala Negeri Pulau Pinang ingin membeli air mentah. Kapasiti efektif empangan Teluk Bahang 20.4% pada 22 September 2020 yang cukup untuk menampung lebih kurang 62 hari bekalan air normal di Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan kawasan sekitar Tanjung Bungah. Ini adalah kapasiti efektif yang antara terendah yang dicatatkan untuk empangan itu sejak ia mula beroperasi pada tahun 1999.
- (b) Tindakan yang PBAPP boleh ambil untuk menjamin bekalan air yang mencukupi dan bebas daripada ancaman catuan air sehingga 2030 adalah seperti berikut:

Berdasarkan unjuran 2009, SPRWTS akan mengambil masa tujuh (7) tahun untuk disiapkan dan beroperasi. Sekiranya projek ini dilaksanakan dari 2021, ia mungkin beroperasi mulai tahun 2027 tetapi Negeri Pulau Pinang akan menghadapi kekurangan air mentah pada tahun 2025.

Cadangan Projek PWSI 2050

Demi menjamin keselamatan bekalan air Negeri Pulau Pinang, PBAPP telah menyediakan Inisiatif Bekalan Air Pulau Pinang 2050 (PWSI 2050) melalui 3 pelan kontingensi seperti berikut:

(a) Pakej 12A Loji Rawatan Air Sungai Dua

Kapasiti: 114 juta liter sehari (JLH)

Pakej 12A membabitkan pembinaan modul rawatan air 114 MLD baharu di LRA Sungai Dua. Ini akan membolehkan PBAPP menghasilkan lebih banyak air terawat untuk memenuhi keperluan bekalan air di Pulau Pinang sehingga SPRWTS beroperasi.

(b) Skim Bekalan Air Sungai Perai (SPWSS)

Kapasiti: 136 JLH

SPWSS bertujuan memanfaatkan Sungai Perai sebagai sumber air mentah tambahan untuk Pulau Pinang. Kajian kejuruteraan sebelum ini menunjukkan air mentah dari sungai ini mungkin tidak selamat dirawat dengan menggunakan teknologi rawatan air konvensional. Oleh itu, SPWSS akan meneroka kemungkinan menggunakan teknologi rawatan air alternatif untuk “merawat” air mentah dengan selamat.

(c) Fasa 1 Skim Penyahgaraman Bekalan Air Pulau Pinang (PDWSS)

Kapasiti: 250 JLH

Fasa 1 PDWSS mencadangkan pembinaan kemudahan penyahgaraman air laut di kawasan selatan Pulau Pinang. Tujuannya adalah untuk menangani peningkatan keperluan bekalan air di

Balik Pulau dan kawasan sekitarnya, serta untuk projek Penambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) menjelang tahun 2030. Fasa 1 dijadualkan beroperasi pada Disember 2024. Fasa-fasa berikutnya dapat dilaksanakan hingga 2050 mengikut permintaan bekalan air dan perkembangaan SPRWTS.

PBAPP telah melantik juru perunding kejuruteraan bebas bagi melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan Projek PWSI 2050 pada bulan Julai 2020 dan ia dijangka siap pada bulan Januari 2021.

Skop kajian ini terdiri daripada:

- (i) Kaji semula unjuran permintaan bekalan air negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2050 berdasarkan kepada rekod sebenar dari tahun 2010 sehingga tahun 2019;
- (ii) Menentukan jadual waktu pelaksanaan projek bagi memenuhi permintaan bekalan air negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2050 kerana sumber utama sedia ada dari Sungai Muda tidak dapat memenuhi penambahan permintaan bekalan air selepas tahun 2024;
- (iii) Penentuan lokasi, proses rawatan air/teknologi yang sewajarnya bagi merawat air mentah Sungai Perai dan penyahgaraman air laut;
- (iv) Pemilihan projek berdasarkan kos dan jangka masa pembinaan; dan
- (v) Kesemua aspek kos, jadual waktu, proses tender dan dasar pelaksanaan akan tertakluk kepada persetujuan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Semua aspek projek PWSI 2050 (termasuk anggaran, masa, tender awam dan dasar pelaksanaan) akan tertakluk kepada persetujuan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu.

Perlu dinyatakan PWSI 2050 TIDAK menjelaskan perkara berikut:

- (i) Pelaksanaan SPRWTS oleh Kerajaan Persekutuan

SPRWTS masih merupakan penyelesaian air mentah yang paling rasional, dari segi potensi hasil dan keberkesanannya. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP akan meneruskan pelaksanaan SPRWTS kerana Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melaksanakan skim sumber air mentah untuk Pulau Pinang ketika kita berhijrah ke Inisiatif Penstrukturkan Semula Industri Perkhidmatan Air Negara (NWSRI) pada tahun 2011.

- (d) Tindakan yang boleh di ambil untuk menjamin bekalan air yang mencukupi ialah:

- (i) Abstraksi air mentah dari Sungai Muda

PBAPP masih perlu mengabstrak air mentah dari Sungai Muda setiap hari untuk memenuhi keperluan bekalan air Pulau Pinang menjelang tahun 2050 dan seterusnya. Projek SPRWTS berfungsi sebagai sumber air mentah tambahan bagi Pulau Pinang untuk masa hadapan; dan

- (ii) Pewartaan 160,000 hektar (ha.) kawasan tадahan air Ulu Muda Ulu Muda adalah kawasan tадahan air terbesar dan terpenting di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP akan terus memperjuangkan pewartaan seluas 160,000 ha. di Ulu Muda sebagai “kawasan tадahan air” yang kekal. Ini untuk memastikan keselamatan bekalan air bagi 4.2 juta rakyat Malaysia yang tinggal di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Objektif utama PWSI 2050 adalah untuk melaksanakan projek bekalan air tambahan bagi menjamin keselamatan bekalan air Negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2050 disamping sumber air dari SPRWTS, air mentah dari Sungai Muda dan pewartaaan

kawasan tadahan air Ulu Muda untuk memastikan keselamatan air mentah menjelang 2050.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XXV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB. LIM GUAN ENG**

3. Nyatakan prestasi semua agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri tahun lepas dan pasca COVID-19.
 - (a) Apakah kedudukan kewangan agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri tersebut dan jumlah suntikan kewangan yang diperlukan?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

3. Secara amnya, peruntukan yang disalurkan kepada agensi dan anak syarikat ini adalah mengambil kira bajet yang dimohon berdasarkan keperluan mengurus dan perancangan bagi melaksanakan program-program di bawah agensi berkaitan. Setakat ini, peruntukan yang disalurkan kepada agensi / syarikat Kerajaan Negeri adalah mencukupi bagi tahun 2020 dan peruntukan khas telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan insentif-insentif di bawah Pakej Bantuan COVID-19. Berikut dilampirkan kedudukan kewangan tahun 2019 dan pasca COVID-19 bagi senarai agensi dan syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang beserta jumlah suntikan kewangan yang diperlukan.

**Pemberian Geran Oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi / Anak Syarikat / Badan Berkanun Negeri
Bagi Tahun 2019 dan 2020**

Bil	Tajuk	Tahun 2019 (RM)	Anggaran Tahun 2020 (RM)	Belanja (RM) (setakat 25 Sep 2020)	Jumlah Suntikan Yang Diperlukan		
1	Penang Global Tourism Sdn Bhd	7,400,000.00	7,400,000.00	2,800,000.00	Tiada		
2	Penang Youth Development Corporation (PYDC)	820,000.00	820,000.00	820,000.00	Pada masa hadapan, PYDC akan mengadakan pelbagai majlis / program seperti Rural Development Projects, membina 5 Pusat belia di seluruh Pulau Pinang, Program Sukarelawan Belia dan Bengkel Pembangunan Belia. PYDC bercadang memohon peruntukan lebih pada tahun hadapan untuk meneruskan projek / program tersebut.		
3	George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)				RM3,000,000.00 bagi pelaksanaan projek Normal Baharu di George Town. Projek ini yang telah dilaksanakan sejak Julai 2020 telah berjaya membantu 300 pemohon setakat ini. Tambahan suntikan kewangan akan memberikan impak optimum projek ini dan memanfaatkan warga warisan kebudayaan dalam menempuh cabaran COVID-19. Perincian peruntukan adalah diteliti dibawah.		
	- Mengurus	1,500,000.00	4,200,000.00	3,645,000.00	Komponen	Perincian	Amaun (RM)
	- George Town Festival	3,000,000.00	3,000,000.00	1,500,000.00	Pembaikan Bangunan Warisan	RM1,500 X 1,000 unit bangunan warisan (Tapak Warisan Dunia George Town),	1.5 Juta
					Video Warisan	RM1,500 X 1,000 orang profesional warisan	1.5 Juta
4	Penang Women Development Corporation (PWDC)	1,500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	Tiada		
5	Penang Green Council	1,500,000.00	1,500,000.00	500,000.00	Tiada. Namun, berharap agar permohonan peruntukan tambahan bagi projek baru khususnya projek hijau yang berdasarkan kesedaran awam dan juga projek kajian yang berkaitan pembangunan mampan dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya.		
6	Penang International Convention & Exhibition Bureau (PICEB)	1,600,000.00	1,600,000.00	1,600,000.00	Memerlukan suntikan kewangan sebanyak RM485 ribu untuk meneruskan kos program serta promosi berterusan untuk tahun 2020.		
7	Tech Dome (Penang Tech Centre Bhd)	450,000.00	650,000.00	650,000.00	Memerlukan peruntukan RM5.4 juta untuk membayai kos operasi pentadbiran, promosi dan program-program yang telah dijadualkan untuk tahun 2021 termasuk sebahagian program 2020 yang telah ditundukkan ke tahun 2021 berikutan Covid-19.		
8	Penang Science Cluster	903,168.00	-	-	Pasca COVID-19 bagi tahun adalah RM200,000.00. Tahun 2021 adalah RM1.2 juta		
9	Penang STEM	500,000.00	560,000.00	560,000.00	Tiada		
10	Digital Penang Sdn. Bhd.	-	2,100,000.00	500,000.00	Tiada		
11	Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang	-	6,300,000.00	2,000,000.00	Tiada		
12	Perbadanan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang	8,000,000.00	8,000,000.00	8,000,000.00	Tiada		
13	PIHH Development Sdn Bhd (Halal Hub)	500,000.00	500,000.00	500,000.00	Tiada		
14	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	1,650,000.00	1,650,000.00	1,650,000.00	Tiada		
15	Invest-in- Penang Berhad	4,820,000.00			Tiada		
16	Lembaga Wakaf Hindu	1,500,000.00	1,500,000.00	1,500,000.00	Tiada		
17	Penang Institute	5,500,000.00	5,000,000.00	2,750,000.00	Tiada		
18	Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP)	800,000.00	800,000.00	-	Tiada		
19	Institut Integriti Negeri (IINPPi)	400,000.00	400,000.00	400,000.00	Tiada		
20	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	3,113,047.92	930,855.40	-	Tiada		
21	PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.	Tiada	Tiada	Tidak berkenaan	Tiada		
22	PDC Nusabina Sdn. Bhd.	Tiada	Tiada	Tidak berkenaan	Tiada		
23	PDC Setia Urus Sdn. Bhd.	Tiada	Tiada	Tidak berkenaan	Tiada		
	JUMLAH	45,456,215.92	48,410,855.40	30,875,000.00			

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XXV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB. LIM GUAN ENG**

4. Nyatakan jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Pulau Pinang pada setiap tahun 2007 hingga sekarang serta apakah cabaran yang dihadapi untuk menarik pelabur?

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI HUSSAIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Jumlah pelaburan sektor pembuatan yang diperolehi oleh Pulau Pinang pada tahun 2007 hingga sekarang adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pelaburan Sektor Pembuatan (RM)
2007	4,768,661,247
2008	10,156,301,413
2009	2,165,240,934
2010	12,237,958,878
2011	9,106,014,669
2012	2,471,455,535
2013	3,912,256,265
2014	8,162,372,366
2015	6,724,346,973
2016	4,293,890,437
2017	10,811,883,178
2018	5,780,950,589
2019	16,855,400,000
Jan-Mar 2020	7,097,323,561

Antara cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan pada masa kini adalah :

- (a) Dasar sekatan perjalanan (Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020).

Dengan perubahan yang tidak menentu di dalam dasar sekatan perjalanan di samping kriteria yang tidak jelas serta proses permohonan yang panjang, kebanyakan pelabur (sama ada pelabur sedia ada dan juga pelabur baru yang telah menandatangani perjanjian untuk memulakan operasi di Pulau Pinang pada tahun ini) merasa bimbang kerana dasar sekatan perjalanan ini menyebabkan pelan dan rancangan perniagaan mereka terganggu;

- (b) Pertindihan peranan/ fungsi (overlapping functions) agensi-agensi kerajaan.

Pelabur-pelabur secara konsisten memberi maklum balas bahawa terdapat banyak agensi kerajaan yang perlu berurus dan terdapat pertindihan peranan/fungsi agensi.

Ini meletakkan Malaysia amnya dan Pulau Pinang khasnya tidak menjadi pilihan utama pelabur berbanding dengan negara-negara lain yang mempunyai hanya satu agensi yang didedikasikan khusus untuk melayani keperluan pelabur-pelabur;

- (c) Batasan infrastruktur memperlakukan pembangunan industri

Perkembangan terbaru hubungan diplomatik Amerika Syarikat dengan China dan wabak COVID-19, dijangka akan menambah kebimbangan syarikat multinasional. Banyak syarikat akan terus mempertimbangkan dan melaksanakan strategi kepelbagai geografi operasi perkilangan dan konfigurasi rantai bekalan dalam menghadapi perkembangan global semasa.

Oleh sebab itu, penyediaan tanah perindustrian yang mencukupi dan taman perindustrian yang berkualiti tinggi adalah sangat kritikal bagi Pulau Pinang untuk merebut

peluang pelaburan yang diwujudkan oleh perang dagang dan COVID-19.

Selain itu, Perhubungan dan Infrastruktur (connectivity & infrastructure) seperti lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan antarabangsa di Pulau Pinang perlu dipertingkatkan dari segi infrastruktur untuk membangunkan industri-industri yang terdapat di Pulau Pinang. Batasan kargo dan penerbangan langsung (sebelum wabak covid-19) ke bandar-bandar antarabangsa di Asia adalah antara cabaran untuk menarik pelaburan; dan

- (d) Pengeluaran dan bakat pelajar kejuruteraan yang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan industri

Untuk projek berkualiti tinggi dan strategik, Pulau Pinang sentiasa bersaing dengan negara maju untuk pelaburan tersebut. Kebimbangan utama pelabur-pelabur dalam bidang berteknologi tinggi ini adalah bekalan bakat kejuruteraan.

Malaysia menghasilkan output pelajar kejuruteraan yang tidak mencukupi menyebabkan Pulau Pinang sukar untuk bersaing pelaburan teknologi tinggi di arena antarabangsa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XXV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB. LIM GUAN ENG**

5. Nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan untuk rumah ibadat agama Islam, Kristian, Buddha, Taoism dan agama lain setiap tahun sejak 2018.

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Jumlah peruntukan yang diberikan untuk rumah ibadat agama Islam, Kristian, Buddha, Taoism dan agama lain setiap tahun sejak 2018 hingga 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JUMLAH PERUNTUKAN YANG DIBERIKAN UNTUK RUMAH IBADAT
AGAMA ISLAM SEJAK 2018 HINGGA 2020

TAHUN	JENIS RUMAH IBADAT	JUMLAH PERUNTUKAN YANG DISALURKAN			JUMLAH KESELURUHAN (RM)
		PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RM)	EHYA RAMADAN (RM)	BANTUAN MASJID KAWALAN NEGERI	
2018	Islam	4,650,000.00	236,000.00	-	4,886,000.00
2019	Islam	5,342,000.00	240,000.00	1,000,000.00	6,582,000.00
2020	Islam	5,762,000.00	251,000.00	1,000,000.00	7,013,000.00
JUMLAH BESAR		15,754,000.00	727,000.00	2,000,000.00	18,481,000.00

**JUMLAH PERUNTUKAN YANG DIBERIKAN UNTUK RUMAH IBADAT
AGAMA BUDDHA/TAOISM, HINDU, KRISTIAN DAN LAIN-LAIN
AGAMA SETIAP TAHUN SEJAK 2018 HINGGA 2020**

TAHUN	JENIS RUMAH IBADAT	JUMLAH PERUNTUKAN YANG DISALURKAN			JUMLAH KESELURUHAN (RM)
		PERUNTUKAN AGAMA SELAIN ISLAM (KETUA MENTERI) (RM)	JK MMK AGAMA SELAIN ISLAM (RM)	TABUNG AMANAH RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RM)	
2018	Buddha/Taoism	1,033,282.00	-	1,347,055.00	2,380,377.00
	Hindu	178,000.00	-	677,700.00	855,700.00
	Kristian	370,598.00	-	362,242.80	732,840.80
	Lain-lain	70,000.00	-	229,390.00	299,390.00
	Jumlah	1,651,880.00	-	2,616,387.80	4,268,267.80
2019	Buddha/Taoism	766,000.00	25,500.00	1,050,822.12	1,842,322.12
	Hindu	229,000.00	15,000.00	577,320.00	821,320.00
	Kristian	377,282.50	18,000.00	250,000.00	645,282.50
	Lain-lain	200,000.00	5,000.00	100,000.00	305,000.00
	Jumlah	1,572,282.50	63,500.00	1,978,142.12	3,613,924.62
2020	Buddha/Taoism	628,855.00	18,000.00	384,163.20	1,031,018.20
	Hindu	213,000.00	14,500.00	150,000.00	377,500.00
	Kristian	3,000.00	16,000.00	50,000.00	69,000.00
	Lain-lain	105,000.00	-	50,000.00	155,000.00
	Jumlah	949,855.00	48,500.00	634,163.20	1,632,518.20
JUMLAH BESAR		4,174,017.50	112,000.00	5,228,693.12	9,514,710.62